

11/09/1999

Pengkritik asing mula sokong kerajaan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pihak asing yang lantang mengkritik dan menentang usaha pemulihan ekonomi negara sebelum ini, kini mula menyokong kerajaan.

Perdana Menteri berkata, mereka juga melahirkan keyakinan Barisan Nasional (BN) akan terus menguasai majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang.

Serentak itu, Dr Mahathir berkata, BN memberi jaminan negara ini tidak akan dijajah oleh mana-mana pihak, sekiranya mendapat mandat besar dalam pilihan raya umum nanti.

"Mereka kini akui kerajaan berjaya memulihkan ekonomi dalam tempoh singkat kerana mempunyai kerajaan kukuh dengan mandat lebih dua pertiga.

"Kini mereka pula berharap BN terus mengekalkan majoriti dan faham mengapa BN meminta rakyat memberi kemenangan besar, kerana kemenangan itu juga untuk kepentingan negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada Majlis Bersama Rakyat di Stadium Cheras sempena lawatannya ke Wilayah Persekutuan di sini, malam ini.

Turut hadir Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Setiausaha Agung Barisan Nasional, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Pengerusi BN Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Suleiman Mohamed.

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang sebelum ini begitu lantang mengkritik dasar Malaysia menangani krisis ekonominya, terutama kawalan modal, dilaporkan memuji kerajaan kerana berjaya menggunakan dasar itu dengan berkesan dalam memulihkan ekonomi negara.

Dalam ringkasan penilaian tahunan Lembaga Eksekutif badan kewangan dunia itu mengenai Malaysia, ia memuji kerajaan kerana berjaya menggunakan 'ruang bernafas' yang diperolehi hasil pelaksanaan kawalan modal dan penetapan nilai ringgit bagi menangani masalah dalam sektor kewangan dan korporat.

Perdana Menteri berkata, IMF dan pakar ekonomi lain juga mengakui usaha Malaysia memulihkan ekonomi berkesan.

"Walaupun IMF dulu mengecam kita, tetapi hari ini mereka terpaksa menelan semula apa yang mereka katakan kepada kita.

"Orang yang dulu kata kita bodoh, bukan saja IMF kerana cara kita menguruskan ekonomi negara, akhirnya mengakui Malaysia pulih semula," katanya.

Perdana Menteri yang memulakan ucapan dengan melahirkan rasa gembira kerana penyokong BN memulakan majlis dengan nyanyian lagu patriotik Sejahtera Malaysia berkata:

"Pembangkit tidak pernah tunjuk semangat patriotik dan kecintaan terhadap negara walaupun mereka menikmati pelbagai kemudahan di negara ini.

"Parti lawan juga tidak berpegang kepada Rukun Negara walaupun sering bercakap mengenai keluhuran undang-undang" katanya.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, BN jelas berpegang kepada undang-undang walaupun kadang-kadang disekat dan tidak boleh melakukan itu dan ini, termasuk bercakap mengenai kes yang sedang dibicarakan.

"Bila ada kes yang sedang dibicarakan kita tidak sentuh kerana kita patuh dan undang-undang membenarkan ia dilaporkan secara terperinci oleh media mengenai apa yang dibicarakan," katanya.

(END)

